

BERITA HARIAN

DATE: 01 / 09 / 2007

Bush puji keterbukaan kepemimpinan Abdullah

BH-1/9/2007

WASHINGTON: Presiden George W Bush menyifatkan kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai satu tenaga yang sangat konstruktif bagi Asia Tenggara.

Malaysia adalah satu contoh menarik mengenai bagaimana sebuah masyarakat bebas boleh menangani gerakan-gerakan yang dipercayai boleh menukar dan meminda sifat masyarakat bebas itu.

"Saya menghormati cara Perdana Menteri menggunakan kebebasan dan menggunakan keterbukaan masyarakat untuk menangani mereka

yang kecewa.

"Maksud saya, semua masyarakat mempunyai orang yang kecewa, dan persoalannya ialah sama ada cara mereka meluahkan kekecewaan itu akan membawa kepada keganasan atau membawa kepada keamanan," kata presiden itu dalam satu pertemuan meja bulat, yang jarang diadakan dengan sekumpulan wartawan dari Asia Pasifik, yang turut dihadiri *Bernama*.

"Malaysia adalah contoh negara di mana kekecewaan disalurkan melalui cara yang positif," katanya mengulas mengenai kepimpinan Abdul-

“ Saya menghormati cara Abdullah menggunakan kebebasan dan keterbukaan masyarakat menangani golongan kecewa ”

George W Bush
Presiden Amerika Syarikat

lah dalam menangani ekstremisme dan keganasan di negaranya.

"Saya menghormati Perdana Menteri (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengagumi kepeimpinannya," kata Bush yang mengadakan pertemuan dengan Abdullah di Rumah Putih pada 2004.

Abdullah menyokong kesederhanaan dan menganjurkan Islam Hadhari di Malaysia dan ke mana juga beliau pergi.

Keakraban antara kedua-dua pemimpin terserlah apabila presiden itu berkata: "Apabila isteri beliau (Alahyarham Datin Seri Endon Mah-

mood) meninggal dunia, saya cuba menghubunginya untuk menyatakan keprihatinan saya terhadap beliau."

Apabila diberitahu bahawa Abdullah berkahwin lain, Bush seolah-olah terperanjat. Saya ucapkan tahniah kepada beliau. Terima kasih kerana memberitahu saya berita ini. Saya akan ucapkan tahniah kepada beliau. Ini sungguh baik."

Presiden itu mengucapkan tahniah kepada Malaysia sempena ulang tahun kemerdekaannya yang ke-50, semalam, dan berkata beliau berharap dapat meneruskan perbincangan ber dua hala dengan Malaysia. - Bernama